

Akauntan kita ke-7 terbaik dunia

» *Anak peniaga pasar malam catat kelulusan cemerlang ACCA*

Oleh Nurul Fhatihah Zakinan
bhshahalam@bh.com.my

► Shah Alam

Anak peniaga pasar malam, Siti Aisah Kamarulzaman, muncul graduan terbaik Malaysia dan yang ketujuh dunia dalam peperiksaan Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA) 2013.

Lebih membanggakan kejayaan anak keempat daripada sembilan adik beradik yang berasal dari Kuala Lumpur itu, mengiringi kejayaan abangnya, Khalid yang turut muncul pelajar terbaik ACCA Malaysia tahun lalu.

Siti Aisah, 21, graduan Universiti Teknologi Mara (UiTM), berkata beliau tidak menyangka kerja kerasnya sebelum

ini membuahkan hasil membanggakan kerana muncul dalam kalangan 10 penuntut terbaik daripada 6,000 orang yang menduduki peperiksaan itu di seluruh dunia.

Amat bersyukur

"Saya bersyukur dan berterima kasih kepada kedua ibu bapa, pensyarah dan firma perakaunan yang banyak membantu saya," katanya yang sudah bertugas dengan BDO, firma perakaunan kelima terbesar dunia, sejak 5 Ogos lalu.

Siti Aisah berkata pengalaman ayahnya, Kamarulzaman Udin, 51, sebagai peniaga pasar malam dan nasihat ibunya, Sadaah Rahmat, 52, seorang guru, banyak memberi semangat untuk sentiasa berusaha mencapai kejayaan dalam hidup.

Naib Canselor UiTM, Prof Tan Sri Dr Sahol Hamid Abu Bakar, berkata beliau berbangga dengan pencapaian tertinggi Siti Aisah kerana turut mengharumkan nama institusi pengajian tinggi awam terabit di luar negara.



Sahol menyampaikan **cenderahati** kepada Siti Aisah di Shah Alam, semalam. [FOTO ASYRAF BOKHAR/BH]

